

22 universiti tempatan bertaraf dunia

Oleh **Rafidah Mat Ruzki** - Jun 11, 2021 @ 2:46pm
fidahruzki@bh.com.my



Ketua Pegawai Eksekutif MQA, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran

PUTRAJAYA: Pencapaian 22 universiti tempatan tersenarai dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2022 membuktikan kualiti pendidikan tinggi di negara ini bertaraf dunia.

Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata masyarakat negara ini perlu yakin dengan kemampuan universiti tempatan kerana pencapaian itu membuktikan ia setara dengan universiti antarabangsa.

Beliau berkata, pihaknya akan sentiasa memantau dan mengawal selia kualiti universiti terbabit, sekali gus menepis tanggapan kononnya universiti luar negara lebih berkualiti berbanding institut pengajian tinggi (IPT) tempatan.

"Dulu mungkin kita masih ketinggalan kerana jumlah universiti tempatan masih sedikit dan kualitinya belum seperti sekarang, membuatkan masyarakat berlumba-lumba menghantar anak ke luar negara.

"Bagaimanapun, kualiti kita sudah setaraf dengan IPT antarabangsa, malah ada beberapa universiti kita lebih baik daripada mereka," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Mohammad Shatar berkata demikian ketika mengulas pencapaian IPT tempatan dalam senarai penarafan QS World University Rankings 2022 yang diumumkan baru-baru ini.

Beliau berkata, lebih membanggakan universiti tertua negara, Universiti Malaya (UM) terus berada dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia, yang disifatkan bukan mudah untuk kekal dengan pencapaian itu.

Katanya, sejak empat tahun berturut-turut UM kekal tersenarai dan berada pada kedudukan lebih baik berbanding kebanyakan IPT luar negara.

"Selain itu, empat universiti iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kekal di kelompok 200 terbaik dunia.

"Selain lima universiti penyelidikan yang sudah memperoleh status swaakreditasi, IPT lain dengan status sama turut membanggakan kerana tersenarai dalam penarafan kali ini iaitu Universiti Teknologi Petronas (UTP), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) dan Universiti Multimedia (MMU)," katanya.